

## **PROGRAM KORBAN PPM DI KEMBOJA**

### **Persatuan Pustakawan Malaysia**

#### **PENGENALAN**

Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) telah melaksanakan tanggungjawab sosial sambil beramal melalui program ibadah korban dan aqiqah di Kemboja sempena Hari Raya Aidiladha 1434H. Negara Kemboja dipilih memandangkan minoriti saudara Islam yang sebahagian besarnya terdiri daripada etnik Melayu Champa yang menetap di sana hidup di paras kemiskinan. Kebanyakan mereka berasal dari Jawa berhijrah lebih 600 tahun dahulu yang mana bahasa yang digunakan ialah Khemer dan Champa serta menulis dalam jawi.

Pihak HALUAN (Pertubuhan Himpunan Lulusan Institusi Pendidikan Malaysia) telah membantu melaksanakan program ini. Seramai sembilan orang ahli PPM, termasuk Majlis PPM yang diketuai oleh Yang DiPertua PPM, Dr. Mohd Sharif Mohd Saad, telah berangkat ke Phnom Penh, Kemboja pada jam 3.20 petang di Hari Raya Aidiladha pada 15 Oktober 2013. Penerbangan kami berjalan lancar bersama lebih 13 buah kotak hasil sumbangan ahli PPM serta warga perpustakaan seluruh Malaysia termasuk tudung, telekung, kopiah serta minyak wangi (attar).

Lapangan Terbang Phnom Phen walaupun kecil tetapi moden. Malah Bandar Phnom Phen juga sedang membangun dengan pelbagai kedai jenama yang terkemuka di dunia kelihatan di bandar tersebut. Terdapat ramai pelabur dan mereka yang sudi membantu tetapi oleh kerana tahap pendidikan yang masih rendah dan tidak mewajibkan persekolahan maka kemajuan pembangunan mereka adalah perlahan.

### *Persatauan Pustakawan Malaysia*

Kepadatan penduduk di bandar ini adalah tinggi dan kebanyakan mereka menaiki motosikal dan kenderaan awam yang dipanggil *tut tut*. Terdapat juga penunggang motosikal yang mempunyai dua orang penumpang. Kenderaan model Toyota dan Lexus yang paling banyak digunakan dan kelihatan juga kereta mewah. Tahap toleransi mereka adalah tinggi dalam suasana Bandar yang sibuk. Tahap ekonomi mereka masih mempunyai jurang yang besar di antara yang kaya dan kurang berupaya.

Dari lapangan terbang kami bergerak menuju ke Hotel Holiday Villa menaiki bas mini berwarna merah jambu. Kami telah disambut oleh Pengurus Besar Hotel, Saudara Khairil Nizam; beliau banyak membantu kami sepanjang kami di beradanya. Sampai sahaja di Hotel Holiday Villa, hari telah mula gelap memandangkan waktu di Kemboja awal 1 jam berbanding dengan Malaysia.

Pada sebelah malam pula, ahli rombongan melaksanakan aktiviti pembungkusan barang-barang sumbangan. Barangan tersebut diisi ke dalam beg PPM untuk diagihkan kepada penduduk kampung. Juadah Raya Aidiladha yang dibawa oleh ahli rombongan telah menjadi jamuan makan malam kami itu.

Walaupun telah larut malam, kami tetap menunggu perbincangan dengan pihak HALUAN di Kemboja yang diketuai oleh Tuan Haji Razali Jamil yang merupakan Pengerusi HALUAN agar segala urusan di perkampungan berjalan dengan lancar dan lebih terperinci seperti agihan mencukupi, pengangkutan ke sana dan taklimat program ibadah.

### **PROGRAM KORBAN**

Pada keesokan harinya, pihak rombongan bertolak ke Perkampungan Jrey Ondet yang terletak 30 kilometer dari Phnom Penh dan merupakan perkampungan nelayan Sungai Mekong yang mempunyai 170 buah keluarga menetap di kampung ini. Pihak rombongan berhenti seketika di Perkampungan Chrang Chomreh untuk menyaksikan barangan sumbangan dimuat turun ke dalam perahu. Kami juga diminta untuk memastikan semua barang tersebut dimasukkan ke dalam perahu. Pengalaman yang singkat tapi melihatkan persekitaran perkampungan tersebut, lahirlah rasa kesyukuran kami berbanding dengan tempat tinggal kami.

Setelah memunggah barangan kami menaiki van menuju ke sebuah penempatan kecil di tepi sungai yang mana kami perlu berjalan kaki untuk sampai ke tepi sungai tersebut. Kami perlu menaiki perahu ke Perkampungan Jrey Ondet kerana jalan darat dilitupi air disebabkan banjir. Perasaan gementar tanpa jaket keselamatan dirasai oleh kami untuk merentasi sungai Tongle' Sap yang besar dan dalam, ditambah pula perahu ini dikemudi oleh penduduk kampung yang masih di bawah umur .

Sesampainya kami di lokasi tersebut, kami merasa sangat teruja kerana disambut oleh penduduk kampung dengan penuh meriah. Bagaikan wakil rakyat melawat kawasan pula dirasakan. Kami, kemudiannya, dibawa ke sekolah yang bersebelahan dengan masjid di kampung tersebut. Keadaan rumah mereka memang seperti tahun 70an di Malaysia dengan kemudahan yang sangat terhad dan majoritinya penduduknya miskin serta mempunyai bilangan ahli keluarga yang ramai. Taklimat dan suai kenal diadakan dengan bantuan seorang penduduk kerana menurut Tuan Haji Razali Jamil kerana mereka tidak berapa memahami bahasa kita. Setelah

### *Persatuan Pustakawan Malaysia*

bertemu dengan Ketua Kampung dan penduduk kampung kami mengagih-agihkan bungkusan peralatan menulis serta makanan ringan seperti gula-gula dan coklat kepada kanak-kanak. Terpancar perasaan gembira kanak-kanak di kampung tersebut apabila makanan ini diagih-agihkan.

Setelah selesai, ibadah korban terus dilaksanakan iaitu sebanyak lima ekor lembu disitu. Selebihnya sebanyak 13 ekor lembu dan serta enam ekor kambing (aqiqah) telah diagihkan ke kampung lain yang mana terdapat lebih dari 500 perkampungan di Kemboja. Sejumlah 18 ekor lembu dan enam ekor kambing melepasi sasaran PPM, yang mana korban ini dikalangan warga perpustakaan di seluruh Malaysia dan pertama kali aktiviti seumpama ini diadakan oleh PPM.

Kecekapan mereka menumbang dan melapah lembu amat dikagumi, berbeza sungguh dengan tempat kita, nama peserta korban di tulis dengan besar dan dipegang semasa disembelih untuk memudahkan urusan penyembelihan.. Ini sesuatu yang tidak kami alami semasa negara kita, Terima kasih diucapkan kepada Tuan Haji Razali Jamil kerana membantu melaksanakan tugas penyembelihan.

Terdapat juga keluarga dari Singapura yang bersama-sama dengan rombongan PPM pada hari itu. Mereka selalu menjalankan aktiviti seumpama ini saban tahun yang mana ketua mereka sendiri yang menyempurnakan urusan penyembelihan.

Menjelang tengahari, aktiviti penyembelihan ini terpaksa disegerakan kerana waktu zohor telah hampir dan sebahagian penduduk kampung perlu pulang menunaikan solat zohor. Kami berhajat untuk mengadakan pertandingan mewarna tetapi disebabkan kesuntukan masa, kami terpaksa membatalkan niat tersebut dan

### *Persatuan Pustakawan Malaysia*

memberikan semua peralatan mewarna dan hadiah yang disediakan kepada guru sekolah agar mereka boleh menjalankan aktiviti tersebut selepas ini. Sebagai aktiviti penutup sumbangan yang dibawa diagih-agihkan kepada penduduk kampung. Mereka mengucapkan berterima kasih dan terpancar kegembiraan di wajah mereka. Kami pun beramah mesra dan bergambar dengan mereka. Kami merasa sungguh terharu dan berazam akan terus membantu mereka mana yang termampu. Keadaan ini menambahkan keinsafan kami.

Setelah selesai acara penyembelihan dan pemberian sumbangan, kami dihidang dengan makanan tengahari yang ringkas tetapi terasa sangat diraikan. Oleh kerana faktor masa yang sangat terhad dan ditambah pula hari sudah gelap yang menandakan tanda untuk hujan, maka kami bergegas pulang dengan menaiki sampan sekali lagi. Cuaca yang bertambah gelap dan aliran sungai yang deras menambahkan kebimbangan tetapi alhamdulillah kami semua selamat sampai semula ke hotel dengan penuh kepuasan bercampur perasaan terharu.

Sepanjang kami di sana, hotel penginapan kami dipenuhi dengan rakyat Malaysia sama ada dalam kumpulan besar dan ada yang datang dengan keluarga. Semuanya membawa niat murni yang sama untuk menabung saham di akhirat di samping membantu mereka yang benar-benar memerlukan bantuan.

### **LAWATAN**

Pada sebelah petang kami melawat tempat bersejarah iaitu *Toul Sleng Genocide Museum*. Ini merupakan penjara yang terbesar dikenali sebagai S21 (*Security Office 21*) yang mempunyai penjara, alat untuk menyiksa, senarai banduan, foto mangsa/askar dan pelbagai jenis barangan serta dokumen berkaitan yang pada

### *Persatauan Pustakawan Malaysia*

asalnya adalah *Tuol Svay Prey High Sechool*. Terdapat sebanyak 196 penjara dan 388 lokasi pembunuhan yang dikenali sebagai *Killing fields*.

CKP (Communist Party of Kampuchea dari 1975 hingga 1979) telah meragut anggaran satu hingga tiga juta nyawa rakyat Kemboja daripada lapan juta rakyat ketika itu. Diketuai oleh Pol Pot, regim ini telah menghalang kemudahan awam, institusi keluarga, kebudayaan, agama dan tidak ada lagi harta persendirian. Pada 7 Januari 1979, regim CKP telah ditumbangkan dengan bantuan Vietnam. Maka kekejaman yang berlaku selama 3 tahun 8 bulan ini, telah menjadi mimpi buruk keluarga yang terselamat, malahan tentera yang terlibat juga bertaubat kerana mereka tidak ada pilihan lain untuk tidak melaksanakannya. Daripada lebih 700,000 umat Islam, hanya 300,000 yang terselamat dan ramai yang ahli keluarganya terpisah membuatkan kami merasa sangat tersentuh dengan sejarah tersebut.

Setelah peristiwa itu, Kemboja mula membangun diketuai oleh Raja Norodum Sihanouk yang merupakan raja yang menjawat jawatan politik paling banyak. Rombongan juga melawat Grand Palace, tempat kediaman Raja Norodom Sihanoni yang dilantik pada 14 Oktober 2004. Melawat Istana yang dibina pada tahun 1860an, yang sangat indah dengan kesenian yang tinggi, membuatkan kami dapat mengenali budaya masyarakat Kemboja yang majoritinya beragama Buddha.

Kami juga mengambil kesempatan untuk membeli cenderahati di *Central Market* dan *Russian Market*. Walaupun tempat ini bukan syurga membeli belah kerana kebanyakan barangnya merupakan yang diimport dari luar negara. Urusan jual beli ini menggunakan mata wang US dollar. Kami juga berpeluang menaiki *bot cruise* pada sebelah malam tetapi kami tidak berpeluang menikmati antara hidangan

### *Persatuan Pustakawan Malaysia*

makanan tempatan yang terkenal iaitu Kor Lang Phnom atau lebih popular dikenali sebagai lembu naik bukit.

Tidak sahalh jika pustakawan tidak melawat Perpustakaan, oleh itu, pada hari ke tiga rombongan berpeluang untuk melawat universiti DiRaja Kemboja iaitu Perpustakaan *Pannasatra University of Cambodia*. Kami disambut oleh Pengarah Perpustakaan iaitu Ms Mao Kolap dan menurutnya hanya terdapat dua orang yang mempunyai sarjana dalam bidang sains perpustakaan di seluruh Kemboja dengan lebih 100 buah perpustakaan di seluruh Kemboja.

Keadaan fizikal perpustakaan ini masih boleh dimodenkan. Malah dari segi koleksi, Perpustakaan ini mempunyai 35,000 buku dan 20,000 *e-books* dan melebihi jutaan artikel dalam pangkalan data dari pelbagai penyumbang dan penderma antaranya Asia Foundation; California State University, Dominguez Hills; California State University, Fullerton; California State University, Long Beach; United Nations Development Programme; Teachers Across Borders; University of Wisconsin-Eau Claire; Embassy of India; pelbagai kementerian dalam Kerajaan DiRaja Kembojavernment of Cambodia dan lain-lain.

PPM juga telah membawa kutipan wang. Sumbangan wang tunai ini telah diserahkan kepada Mufti Kemboja, Okhna SOS Kamry Hj Kamaruddin Yusof pada sebelah malamnya. Taklimat oleh Mufti yang panjang lebar mengenai orang Melayu dan perjuangan Islam di Kemboja membuatkan kami lebih memahami kenapa ramai yang berhati mulia dan sudi memberi pelbagai bantuan dan kami merasakan lebih banyak bantuan perlu disumbangkan.

### *Persatuan Pustakawan Malaysia*

Kerajaan Kemboja tidak menghalang perkembangan Islam di Kemboja tetapi tidak akan menyalurkan dana terhadap kemajuan Agama Islam, oleh itu pihak Mufti dengan bantuan pelbagai pihak dari luar yang telah menjalankan pelbagai usaha untuk kemajuan Agama Islam di Kemboja.

Sepanjang berada di Phnom Penh, kami di bantu oleh Sdra. Basri Ali yang merupakan rakyat Kemboja yang sedang belajar di Kolej Universiti Insaniah, Kedah dan bercuti sempena Hari Raya. Beginilah salah satu cara sukarelawan dari Malaysia membantu pendidikan di Kemboja. Mereka masih mencari penaja dari luar Kemboja bagi menguruskan pelajar menimba ilmu dengan harapan dapat membantu semula kemajuan negara Kemboja dan rakyatnya terutama golongan minoriti yang beragama Islam. Rombongan PPM pulang ke Malaysia pada hari Jumaat, 18 Oktober 2013 dengan hati yang sayu mengenangkan kesusahan mesyarakat Islam serta sejarah Regim Pol Pot tetapi gembira kerana dapat menabur bakti walaupun kecil.

### **PENGHARGAAN**

PPM ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua penyumbang, mereka yang menyertai ibadah korban dan membantu menjayakan program ini bagi merapatkan hubungan ukhuwah di kalangan ahli PPM dengan masyarakat muslim Kemboja. Aktiviti seumpama ini telah dapat meningkatkan keinsafan diri kami sebagai rakyat Malaysia. Harapan kami semoga lebih ramai ahli PPM tampil memberi sokongan dan sumbangan terhadap aktiviti seumpama ini..